

SPR negeri lewat masukkan data pemilih

UM : 9/7/2007

SABAK BERNAM 8 Julai - Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam mahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) negeri memasukkan segera data ahli-ahli parti itu yang telah mendaftar sebagai pengundi.

Menurut beliau, tindakan segera itu penting bagi UMNO membuat semakan dan mengenal pasti jumlah sebenar ahli parti itu yang belum mendaftar.

"Saya difahamkan SPR di Selangor dan Kedah lewat menjalankan kerja memasukkan data pengundi yang telah berdaftar.

"Contohnya, di Kedah ada 40,000 ahli berdaftar tetapi data yang dimasukkan dalam komputer menunjukkan kira-kira 9,000 sahaja ahli UMNO yang telah berdaftar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sungai Besar di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo yang juga Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar.

Semalam ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Paya Besar di Kuantan, Pahang, Mohd. Ali memberitahu terdapat 450,000 ahli parti itu masih belum mendaftar.

"Selain semua jentera UMNO termasuk di peringkat cawangan di seluruh negara memastikan ahli-ahli UMNO itu segera mendaftar, kita juga mahu SPR memainkan peranan melancarkan proses pendaftaran yang perlu dilakukan sehingga Ogos ini," katanya.